

## CARBAMAZEPINE

### A. APAKAH KEGUNAAN UBATINI?

- ⊕ Ubat ini menghindar dan mengawal sawan
- ⊕ Melegakan sakit saraf tertentu
- ⊕ Merawat penyakit mental bipolar



### B. BAGAIMANA UBATINI BERTINDAK?

- ⊕ Ubat ini bertindak dengan mengurangkan rangsangan saraf yang menyebabkan sawan dan sakit saraf

### C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN?



#### A. CARA MAKAN

- ⊕ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor
- ⊕ Ubat ini perlu diambil bersama-sama makanan untuk mengelakkan ketidakselesaan perut
- ⊕ Ubat jenis pelepasan berpanjangan perlu ditelan secara penuh dan tidak boleh dikunyah atau dihancurkan.
- ⊕ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama

#### B. JIKA TERLUPA

- ⊕ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ⊕ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- ⊕ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik ( $23^{\circ}\text{C} - 27^{\circ}\text{C}$ ), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ⊕ Pastikan bekas ubat ditutup dengan ketat
- ⊕ Ubat dalam bentuk sirap perlu disimpan didalam botol kalis cahaya
- ⊕ Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!

### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;



- ⊕ Mempunyai sejarah penyakit penekanan sum-sum tulang, penyakit jantung, penyakit hati atau buah pinggang, glaukoma, penyakit *porphyria*, paras garam yang rendah, kemurungan atau pernah terfikir untuk membunuh diri.
- ⊕ Mengambil alkohol, memakan *grapefruit* atau sebarang ubat perencat MAO dalam masa 14 hari yang lepas, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- ⊕ mempunyai alahan/alergi kepada ubat ini atau ubat antidepresan trisiklik.
- ⊕ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan mem susu badan

### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;



- ⊕ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: iritasi/kegatalan)
- ⊕ Didapati hamil dan memberi susu badan
- ⊕ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini

# AMARAN !!

## E. KESAN SAMPING UBAT

SEKIRANYA

TANDA-

TANDA INI

BERLARUTAN

SILA

RUJUK

DOKTOR

➤ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- ⊕ Pening
- ⊕ Loya
- ⊕ Muntah
- ⊕ Mengantuk
- ⊕ Masalah koordinasi badan/masalah untuk berjalan

➤ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- ⊕ Tanda reaksi alergi seperti susah bernafas, bengkak pada muka/mata/bibir mulut
- ⊕ Reaksi kulit yang serius seperti ruam, gatal, lepuh atau mengelupas kulit
- ⊕ Demam
- ⊕ Sakit tekak
- ⊕ Mengalami lebam yang luarbiasa
- ⊕ Keletihan yang melampau
- ⊕ Mata atau kulit menjadi kuning
- ⊕ Mengalami keadaan keluh kesah atau kesukaran untuk tidur

Rujukan:

- drugs.com
- rxlist.com
- webmd.com
- BNF 70
- Sisipan maklumat ubat

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---